

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : CETUSAN

Pesakit resah fikirkan harga ubat



ANALISIS
MUKA 16

RAIHAM MOHD SANUSI

HARGA ubat-ubatan dan produk farmaseutikal yang dijangka mengalami peningkatan antara lima hingga 10 peratus di negara ini dalam masa terdekat tidak mustahil akan membuat segelintir orang 'naik darah' sewaktu mahu membayar harga baharu itu nanti.

Perkara itu meresahkan rakyat utamanya bagi golongan yang bergantung kepada ubat-ubatan dan produk farmaseutikal untuk merawat penyakit kronik lebih-lebih lagi ketika ini mereka juga sudah sedia bergelut dengan kos sara hidup yang semakin tinggi.

Minggu lalu, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Profesor Amrhi Buang berkata, jangkakan kenaikan itu berlaku sekiranya syarikat pembuatan ubat di Amerika Syarikat (AS) bertindak menaikkan harga di pasaran.

Hal ini kerana menurutnya, lebih daripada separuh produk farmaseutikal yang memasuki negara ini diimport dari sana.

Amrhi menjelaskan, ubat bagi penyakit kronik seperti hipertensi dan diabetes juga cenderung lebih sensitif terhadap ketidakstabilan perubahan harga berbanding ubat demam, selesema atau sengal badan.

Wall Street Journal pada 18 Januari lalu pula melaporkan pengeluaran menaikkan harga 775 jenis ubat termasuk Ozempic dan Mounjaro yang digunakan untuk merawat diabetes bermula awal tahun ini.

Hakikat yang tidak boleh dinafikan, Malaysia merekodkan jumlah pesakit diabetes yang tertinggi di Asia Tenggara berdasarkan hasil Kajian Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

Pada 23 November lepas, Menteri Kesihatan ketika itu, Dr Zaliha Mustafa berkata, hasil kajian tersebut mendapati jumlah pesakit kencing manis di negara ini mencatatkan peningkatan ketara daripada 11.2 peratus pada 2011 kepada 18.3 peratus pada 2019.

Katanya, kencing manis menyebabkan pelbagai komplikasi kepada penghidapnya iaitu berisiko untuk mendapat penyakit jantung, strok, kerosakan saraf, mata dan kegagalan buah pinggang.

Dengan pelbagai komplikasi dihadapi, sudah pasti bekalan ubat-ubatan yang terutama bagi golongan yang terpaksa menanggung sendiri kos ubatan.

Malah, laporan NHMS 2019 turut mendedahkan bahawa tiga daripada 10 atau 6.4 juta orang dewasa di Malaysia menghidap darah tinggi atau hipertensi dan hanya separuh menyedari bahawa mereka menghidap penyakit ini.

Pakar perubatan keluarga dari Jabatan Jagaan Kesihatan Primer, Universiti Malaya, Dr Beh Hooi Chin menjelaskan, berbanding trend lama yang menyaksikan hanya orang tua berumur 65 tahun ke atas yang mengalami penyakit itu, statistik menunjukkan kebanyakan pesakit adalah berumur antara 40 hingga 60 tahun.

Itu belum lagi melibatkan penyakit-penyakit kronik seperti kanser, kardiovaskular (jantung) dan darah tinggi yang memerlukan kos ubatan yang lebih mahal.

Berikutan itu, akhbar ini pada Ahad melaporkan ada antara rakyat menyuarakan kebimbangan kenaikan harga ubat-ubatan tersebut bakal memberi tekanan kewangan

“

Secara puratanya, ada antara mereka ketika ini membelanjakan hampir RM500 sebulan untuk pembelian ubat termasuk vitamin, suplemen dan susu.”

kepada mereka.

Secara puratanya, ada antara mereka ketika ini membelanjakan hampir RM500 sebulan untuk pembelian ubat termasuk vitamin, suplemen dan susu.

Rata-rata golongan yang bergantung kepada ubat berharap kerajaan berbuat sesuatu bagi menanganai isu itu.

Antaranya ialah kerajaan memberi insentif kepada syarikat farmaseutikal tempatan supaya mereka dapat memastikan harga ubat dijual pada harga yang berpatutan.

Sememangnya tindakan perlu dilakukan kerajaan bagi mengelakkan apa-apa kenaikan ubat-ubatan tidak terlalu membebaskan rakyat kerana dikhuatiri jika perkara itu dibiarkan tahap kesihatan rakyat sendiri akan merosot pada masa depan.

Dengan harga ubat yang semakin naik setiap tahun juga, sepatutnya ia memberi kesedaran kepada orang ramai untuk lebih menjaga kesihatan dengan mengamalkan pemakanan dan gaya hidup sihat sebagai pencegahan kepada pelbagai penyakit kronik yang mengancam nyawa dan kualiti hidup mereka.

**Raiham Mohd Sanusi ialah
Wartawan Meja An Sinar Harian*